



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
RABU 4 SEPTEMBER 2019**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	SIM TZE TZIN: EXCESS RESIDUAL HERBICIDES FOUND IN AGRICULTURAL PRODUCE FROM CERTAIN AREA, NATION, CHINA PRESS -A23	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
2. 3. 4. 5.	TERENGGANU TAHAN 17 NELAYAN VIETNAM, DALAM NEGERI, UM -41 17 NELAYAN VIETNAM DITAHAN CEROBOK LAUT MALAYSIA, NEGARA. KOSMO -16 17 NELAYAN VIETNAM DITAHAN, NILAI RAMPASAN RM1.7 JUTA, UM -ONLINE MALAYSIA HILANG HASIL SEHUNGGGA RM6B SETAHUN AKIBAT TANGKAPAN IKAN SECARA HARAM, ASTRO AWANI -ONLINE	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
6.	MANFAATKAN TANAH TERBIAR UNTUK AGRO MAKANAN, NEGERI, SUARA Keadilan -25	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
7.	KILANG MILIK LPP ATASI MASALAH PEMROSESAN PADI, BH -ONLINE	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
8.	NELAYAN PINDAHKAN PERAHU, SENTRAL, BH -62	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Sim Tze Tzin: Excess residual herbicides found in agricultural produce from certain area		
MediaTitle	China Press		
Date	04 Sep 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A23	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	222 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,379
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,137



■沈志勤

沈志勤

## 某地區農產品 農藥餘量超標

(吉隆坡3日讯) 农业及农基工业部揭露，国内某个地区的农药残余含量超标的情况日益激增，创下10年来最高纪录。

该部副部长沈志勤今日为马来西亚环境、工艺及发展中心 (CETDEM) 举办的“有机农业的未来”研讨会致开幕词时，没有说明发生农药残余含量超标的地点，只透露有关地区的农作物农药最高残留量 (MRL指数) 超标的情况已亮红灯，他也掌握有关数据。

他指出，该地区的MRL指数有增无减，去年指数最高，这些年可能超过5%至6%，反映著该地区的MRL指数有上升趋势。

“农业部人员检测发现该地区的MRL指数超标创下去年最高，造成这种情况，原

因可能包括农民与工人未遵守优良农业作业 (Good Agricultural Practice) 耕种。

沈志勤较后在记者会上说，农业部以抽样方式检测出该地区的MRL指数有上升趋势，但情况受控，并要求农业部官员加强执法与教育。

尽管受到媒体追问地点，副部长仍三缄其口，没有透露该地区、超标程度及案例。

另外，他续说，各国政府进口我国食品时，皆要求食品拥有良好农业规范认证 (myGap)；目前国内61万5000公顷的农业地中，仅有3万7413公顷土地获认证，仅占6%。

他呼吁国内农民，采纳农业部优良食品农作法认证与有关农业认证种植，以让消费者安心购买我国食品。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/9/2019	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	41

## Terengganu tahan 17 nelayan Vietnam

**KEMAMAN 3 Sept.** - Dua buah bot nelayan asing yang dinaiki 17 nelayan termasuk tekong ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Terengganu berserta nilai rampasan RM1.7 juta selepas menceroboh perairan negeri ini kelmarin.

Pengarah Maritim Terengganu, Kapten Maritim Muhammad Suffi Mohd. Ramli berkata, dua bot bersama 17 nelayan Vietnam berusia 20 hingga 53 tahun itu ditahan pukul 9.30 pagi dan 11.15 pagi Ahad lalu pada kedudukan 145.2 kilometer hingga 147.4 kilometer timur laut Tanjung Mat Amin, Kuala Kemaman.

Beliau memberitahu, selain dua bot yang ditahan itu, sebanyak 2,000 kilogram ikan campur, 2,000 kilogram ikan baja, diesel dengan anggaran 2,000 liter dan peralatan menangkap ikan turut dirampas.

"Kesemua rampasan itu dianggarkan bernilai RM1.7 juta, bot serta hasil rampasan bersama nelayan Vietnam ini telah dibawa masuk ke Jeti Zon Maritim Kemaman pukul 2.35 petang semalam. Kes ini disiasat di bawah Seksyen 15 (1) (a) Akta Perikanan 1985 kerana menceroboh dan menangkap ikan di perairan Malaysia tanpa lesen dan kebenaran yang sah daripada Pengarah Perikanan Malaysia.

"Selain itu mereka juga akan disiasat di bawah Seksyen 8 (a) Akta Perikanan 1985 kerana bot beroperasi tanpa lesen yang sah dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan dan juga Seksyen 6 (1) (c) Akta Imigresen kerana tidak memiliki dokumen pengenalan diri yang sah," katanya kepada *Utusan Malaysia* di Pejabat Zon Maritim Kemaman di sini hari ini.

# 17 nelayan Vietnam ditahan ceroboh laut Malaysia

**KEMAMAN** - Maritim Malaysia (APMM) menahan dua bot nelayan Vietnam yang disyaki menceroboh perairan negara untuk menangkap hasil laut secara haram pada Ahad lalu.

Kedua-dua bot nelayan asing itu ditahan pada pukul 9.30 pagi dan 11.15 pagi pada 1 September lalu ketika sedang menangkap ikan pada kedudukan kira-kira 145.2 dan 147.4 kilometer dari timur laut Tanjung Mat Amin, Kuala Kemaman.

Pengarah Maritim Terengganu, Muhammad Suffi Mohd. Ramli berkata, seramai 17 nelayan Vietnam berusia 20 hingga 53 tahun telah berjaya ditahan.

"Pemeriksaan mendapati kesemua mereka tidak memiliki dokumen perjalanan dan permit kerja yang sah.

"Bot nelayan terbabit juga didapati tidak mempunyai lesen untuk menangkap ikan di perairan negara daripada Jabatan Perikanan," katanya di sini semalam.

APMM turut merampas dua bot, empat tan ikan pelbagai jenis, 2,000 liter minyak diesel dan peralatan menangkap ikan yang keseluruhannya dianggarkan berjumlah RM1.7 juta.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/9/2019	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

## 17 nelayan Vietnam ditahan, nilai rampasan RM1.7 juta



KEMAMAN 3 Sep. - Dua buah bot nelayan asing yang dinaiki 17 nelayan termasuk tekong ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Terengganu berserta nilai rampasan RM1.7 juta selepas menceroboh perairan negeri ini kelmarin. Pengarah Maritim Terengganu, Kapten Maritim Muhammad Suffi Mohd. Ramli berkata, dua bot bersama 17 nelayan Vietnam berusia 20 hingga 53 tahun itu ditahan pukul 9.30 pagi dan 11.15 pagi Ahad lalu pada kedudukan 145.2 kilometer hingga 147.4 kilometer timur laut Tanjung Mat Amin, Kuala Kemaman.

Beliau memberitahu, selain dua bot yang ditahan itu, sebanyak 2,000 kilogram ikan campur, 2,000 kilogram ikan baja, diesel dengan anggaran 2,000 liter dan peralatan menangkap ikan turut dirampas.

"Kesemua rampasan itu dianggarkan bernilai RM1.7 juta, bot serta hasil rampasan bersama nelayan Vietnam ini telah dibawa masuk ke Jeti Zon Maritim Kemaman pukul 2.35 petang semalam. Kes ini disiasat di bawah Seksyen 15 (1) (a) Akta Perikanan 1985 kerana menceroboh dan menangkap ikan di perairan Malaysia tanpa lesen dan kebenaran yang sah daripada Pengarah Perikanan Malaysia.

"Selain itu mereka juga akan disiasat di bawah Seksyen 8 (a) Akta Perikanan 1985 kerana bot beroperasi tanpa lesen yang sah dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan dan juga Seksyen 6 (1) (c) Akta Imigresen kerana tidak memiliki dokumen pengenalan diri yang sah." katanya kepada Utusan Malaysia di Pejabat Zon Maritim Kemaman di sini hari ini.

Muhammad Suffi berkata, Op Naga Barat Siri 1/2019 yang bermula pada 26 April 2019 hingga sekarang telah berjaya membuat 1,637 pemeriksaan dan 96 tangkapan yang merangkumi semua pemeriksaan dan tangkapan pelbagai agensi yang terlibat dalam operasi itu.

"Jika sabit kesalahan, tekong berkeenaan boleh didenda RM1 juta atau penjara sehingga dua tahun dan awak-awak boleh didenda RM100,000 setiap seorang atau penjara sehingga dua tahun dan dilucutkan hak ke atas vesel berkeenaan," jelasnya.

Beliau memberitahu, kesemua nelayan asing itu dikenakan tahanan reman selama 14 hari berakhir 17 September ini.

Muhammad Suffi menarik perhatian, sehingga 31 Ogos lalu, Maritim Malaysia dan Jabatan Perikanan Malaysia berjaya memungut sebanyak RM8.8 juta hasil daripada denda yang diperintahkan oleh mahkamah dan sebanyak 25 buah bot daripada 96 kes dilucut hak.

Jelasnya lagi, operasi membanteras kegiatan pencerobohan nelayan asing khususnya dari Vietnam ini akan diteruskan tanpa henti dan Maritim Malaysia juga akan menggunakan pelbagai kaedah pelaksanaan operasi bagi melindungi hasil laut negara dan khazanahnya daripada dicuri dan dirompak oleh nelayan-nelayan asing.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/9/2019	ASTRO AWANI	ONLINE	

## Malaysia hilang hasil sehingga RM6b setahun akibat tangkapan ikan secara haram



Menurut Jabatan Perikanan Malaysia, negara kehilangan kira-kira 980,000 tan metrik hasil laut negara, bernilai antara RM3 bilion dan RM6 bilion, setiap tahun akibat aktiviti penangkapan ikan secara haram. - Gambar hiasan

**KUALA LUMPUR:** Malaysia kehilangan hasil sehingga RM6 bilion akibat penangkapan ikan secara haram setiap tahun, kata Pengarah Bahagian Perikanan Tangkapan dan Pelesenan di Jabatan Perikanan Malaysia, Wan Muhammad Aznan Abdullah.

Beliau berkata meskipun langkah-langkah penguatkuasaan yang ketat di Indonesia, Malaysia dan Thailand, isu penangkapan ikan secara haram, tidak dilaporkan dan tidak terkawal (IUU) terus berelua memandangkan pulangan pelaburannya lumayan dan juga kerana kawasan yang luas yang menyukarkan kepolisian jika tidak ada kerjasama dari negara anggota ASEAN.

"Penyelidik daripada Southeast Asian Fisheries Development Center (SEAFDEC) mendapati jumlah ikan negara sudah berada di tahap kritikal dan tindakan segera perlu diambil bagi mengelakkan produk ikan milik Malaysia dibawa keluar negara secara haram," kata beliau kepada Bernama di sini pada Selasa.

Walaupun begitu, Wan Muhammad Aznan berkata Jabatan Perikanan Malaysia telah bekerjasama dengan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), polis marin dan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) untuk membendung penangkapan ikan secara haram di perairan Malaysia.

Beliau berkata demikian semasa Mesyuarat Terminal Projek Japan Trust Fund 6 (JTF6): Memerangi Perikanan IUU di Asia Tenggara menerusi penggunaan pensijilan tangkapan untuk perdagangan antarabangsa perikanan dan produk ikan yang diadakan dari 3 hingga 5 Sept.

Menurut Jabatan Perikanan Malaysia, negara kehilangan kira-kira 980,000 tan metrik hasil laut negara, bernilai antara RM3 bilion hingga RM6 bilion, setiap tahun akibat aktiviti penangkapan ikan secara haram.

Hanya 50 peratus ikan yang ditangkap dari perairan negara dibawa ke pasaran tempatan manakala selebihnya tidak dapat dikesan.

Akibat kerugian ini, Akta Perikanan 1985 telah dipinda pada Julai tahun ini bertujuan antara lain untuk menaikkan penalti am untuk kesalahan tersebut.

Akta Perikanan meningkatkan penalti maksimum bagi pemilik atau kapten kapal asing yang didapati menceroob perairan Malaysia kepada RM6 juta, dari pada RM1 juta, dan penalti bagi setiap anak kapal dinaikkan dari RM100,000 hingga RM600,000.

Sementara itu dalam satu kenyataan, Jabatan Perikanan berkata sehingga 26 juta tan ikan ditangkap secara haram setiap tahun di seluruh dunia, dianggarkan antara 10 hingga 20 peratus tangkapan global.

Pengarah SEAFDEC Raja Bidin Raja Hassan ketika ditemui berkata beliau berharap mesyuarat tiga hari dengan 11 wakil ASEAN dapat memberi perkembangan positif untuk memperbaiki garis panduan untuk menangani penangkapan ikan haram yang telah dipersetujui sejak 2015.

"Jika ada kepincangan atau loophole, kami akan cuba perbaiki memandangkan garis panduan perlu dikaji semula setiap lima tahun. Sebarang cadangan baharu akan diambil kira," katanya.

# Manfaatkan tanah terbiar untuk agro makanan



MENTERI Besar Negeri Sembilan, Aminuddin Harun menyasarkan orang ramai supaya mengusahakan tanah terbiar di negeri tersebut bagi membangunkan lagi sektor pertanian.

Aminuddin berkata, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Sembilan perlu bertindak sebagai pemudahcara dengan memberikan bantuan, latihan, serta pemasaran produk.

"Kita hendak jadikan pertanian dan industri asas-tani sebagai sumber pendapatan yang mampan, kukuh serta mengun-

tungkan.

"Kita hendak galakkan golongan beliau ceburi bidang usahawanan agro makanan bagi memperbanyakkan lagi pelapis dan usahawan baru," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Karnival Industri Asas Tani (IAT) @ Negeri Sembilan 2019 di Mydin Senawang, 30 Ogos lalu.

Turut hadir adalah Exco Negeri Sembilan Iaitu Bakri Sawir, Dr Mohamad Rafie Ab Malek, dan Mohamad Taufek Abd Ghani.

Sementara itu, Aminuddin berkata, rombongan usahawan Negeri Sembilan yang menyertai Malaysia Fest 2019 di Singapura pada 25 Julai lalu berjaya mengutip keuntungan berjumlah RM7 juta.

"Ini satu petanda baik kepada kita bahawa ruang cukup besar untuk eksport barang Negeri Sembilan di Singapura.

"Peluang seperti ini harus diambil oleh seluruh industri pertanian; untuk kita bangun kan terus industri ini sebagai salah satu sektor terpenting di Negeri Sembilan," katanya

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/9/2019	BERITA HARIAN	ONLINE	

## Kilang milik LPP atasi masalah pemprosesan padi



KUALA TERENGGANU: Masalah kekurangan kilang untuk memproses padi di negeri ini dapat diatasi apabila kilang padi milik Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) di Baruh Masin, Hulu Besut mula beroperasi dalam masa terdekat.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa negeri, Dr Azman Ibrahim, berkata kilang terbabit mampu beroperasi dengan kapasiti pemprosesan sebanyak 400 tan sehari.

Katanya, jelapang padi utama di negeri ini iaitu di Besut dan Setiu hanya terdapat dua kilang padi yang beroperasi iaitu Kilang Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) di Bukit Kenak dan Kilang Mutiara Timur di Kerandang.

"Berbeza dengan kilang padi di negeri lain seperti Kedah yang tak cukup padi untuk dikilangkan, di Terengganu pula tidak cukup kilang terutama ketika kemuncak musim menuai.

"Biasanya, lori yang membawa padi terpaksa beratur sehari semalam menunggu giliran di hadapan Kilang BERNAS untuk 'buang' padi. Malah padi dari Terengganu sebahagiannya hanya dikeringkan di Kilang Bernas sebelum dihantar untuk diproses di Kedah," katanya dalam satu kenyataan.

Semalam tular dalam media sosial luahan seorang anak bekas pengusaha kilang beras Bumiputera mengenai masalah dihadapi pengusaha perniagaan berkenaan untuk mendapatkan bekalan padi berikutan sikap kebanyakan pesawah Melayu yang dikatakan cenderung menjual tanaman padi mereka kepada kilang milik bukan Bumiputera.



# Nelayan pindahkan perahu

Elak rugi jika bot dihempap pokok akibat hakisan pantai

Oleh Hassan Omar  
binews@bh.com.my

**Alor Gajah:** Hakisan pantai yang mengundang risiko dihempap pokok tumbang memaksa sembilan nelayan memindahkan perahu ke lokasi lebih selamat.

Setakat ini, tujuh daripada sembilan nelayan terabit yang menyimpan perahu di bawah pokok di pangkalan nelayan Kampung Pengkalan Balok, Masjid Tanah di sini sudah memindahkan perahu ke Balai Nelayari Pengkalan Balok, kira-kira 100 meter dari lokasi asal.

Mereka tidak mahu menanggung risiko perahu gentian kaca bernilai antara RM5,000 hingga RM10,000 seunit itu rosak atau musnah dihempap pokok di tepi pantai yang semakin condong akibat hakisan pantai.

Nelayan Mohd Amin Fuad Ramli, 25, berkata dua lagi nelayan terabit dijangka berbuat demikian tidak lama lagi bagi mengelakkan perahu ditimpa pokok tumbang.

"Jumaat lalu, pokok ketapang tumbang akibat hakisan dan menghempap sebuah perahu tetapi pemiliknya bernasib amat baik kerana perahunya hanya terkena dahan kecil.



Pokok ketapang tumbang turut menghempap perahu di Kampung Pengkalan Balok, Masjid Tanah, Jumaat lalu.

[Foto Hassan Omar /BH]

"Berikutan kejadian itu, saya dan nelayan lain memindahkan perahu ke balai nelayan, walaupun terpaksa berhimpit-himpit dengan perahu nelayan lain yang sedia ada di balai itu," katanya ketika ditemui di pangkalan berkenaan semalam.

Seorang lagi nelayan, Mohd Khairul Azhar, 30, berkata satu daripada dua pokok ketapang sudah tumbang tetapi tidak menimpa perahu manakala sebatang lagi tersandar pada bumbung stor per-

alatan menangkap ikan.

"Pokok yang tersandar itu hanya menunggu masa untuk rebah sama ada ke arah laut atau terus memusnahkan stor itu dan jika ia berlaku, kami akan mengalami kerugian kerana berkongsi wang untuk membinanya dua tahun lalu," katanya.

Akhbar BH dan Harian Metro sebelum ini melaporkan nelayan di pangkalan itu sukar menolak perahu turun ke persisiran pantai berikutan hakisan pantai menye-

habkan tebing pangkalan menjadi semakin tinggi, sekali gus menyukarkan mereka turun menolak perahu.

Masalah hakisan pantai berpunca daripada angin selatan yang bertuip sejak awal Julai lalu itu semakin serius berikutan fenomena air pasang besar sejak tiga hari lalu.

La turut mendedahkan pokok ketapang di pangkalan itu kepada risiko tumbang dan menimpa nelayan atau perahu.

**Jumaat lalu,  
pokok  
ketapang tumbang  
akibat hakisan dan  
menghempap  
sebuah perahu.**

Mohd Amin Fuad Ramli,  
Nelayan